

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) jumlah peningkatan kes denggi dan kematian bagi 2011 hingga Jun 2014; dan
- (b) kempen komprehensif bagi memerangi pemberian nyamuk aedes.

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes dan kematian denggi yang dilaporkan di seluruh negara dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut;

- 2011: 19,884 kes dengan 36 kematian,
- 2012: 21,900 kes dengan 35 kematian,
- 2013: 43,346 kes dengan 92 kematian,
- 2014 (sehingga 20 September): 74,335 kes dengan 143 kematian.

Bagi memerangi pemberian nyamuk Aedes, selain daripada aktiviti rutin yang dilaksanakan oleh anggota kesihatan iaitu aktiviti Penghapusan Tempat Pemberian (PTP) Aedes bagi setiap kes yang dilaporkan,

Kementerian Kesihatan juga melaksanakan beberapa kempen khas diperingkat kebangsaan seperti;

1. Melaksanakan "Ops Gempur Aedes" iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013 sehingga kini.
2. Melaksanakan pemeriksaan Aedes di tapak-tapak pembinaan dengan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja (DOSH) terutama di kawasan wabak denggi selaras dengan Pelan Tindakan Jawatankuasa Peeringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014.
3. Mempertingkatkan penubuhan *projek Communication for Behavioral Impact* (COMBI) di komuniti bagi meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi terutama di dalam aktiviti cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes di komuniti masing-masing.
4. Menyediakan perkhidmatan *outsource* semburan kabus di daerah yang melaporkan kejadian kes denggi yang tinggi seperti di daerah Paling, Hulu Langat, Gombak dan Kota Bharu bagi bantuan tambahan kawalan denggi dan *outsource* kutipan sampah di Lembah Klang terutama sebagai tambahan perkhidmatan kutipan sampah sedia ada.